

MEMANTAPKAN BUDAYA KEUSAHAWANAN DI KALANGAN GENERASI BARU MELALUI SISTEM PENDIDIKAN NASIONAL DAN PENGAJIAN AGAMA: GAGASAN DAN CABARAN MEREALISASIKANNYA.

DATO' HAJI ALIMUDDIN B. HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

*Dibentangkan oleh Y.Bhg. Dr. Haili B. Dolhan,
Timbalan Ketua Pengarah Jab. Pelajaran Malaysia)*

“Syarat-syarat ikhtiar hidup dan kejayaan mengalami perubahan zaman berzaman, tetapi sekarang proses perubahannya berlaku begitu pantas sekali. Percayalah kita bakal berhadapan dengan zaman yang paling mencabar. Kita bukan saja perlu mengendali dan membuat penyesuaian, kita mesti berjaya menempuh perubahan. Namun dengan keyakinan dan keazaman, kita akan terus mampu bertahan. Jika tetap komited dan berusaha sedaya upaya, jika kita menjunjung tahap kecemerlangan yang paling tinggi, nescaya kita akan berjaya”

Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.
(Dipetik daripada buku: “Abdullah: Memperkasa Malaysia”)

1. Pendahuluan

Selaras dengan perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam sistem ekonomi di peringkat global, Malaysia sebagai sebuah negara membangun turut berhadapan dengan cabaran dan tekanan besar dalam mendepani persaingan abad ke-21 ini. Persaingan daripada negara-negara lain menuntut kita melakukan satu anjakan besar untuk melangkah ke peringkat pembangunan seterusnya dan mencapai matlamat Wawasan 2020. Demi untuk mencapai matlamat tersebut, negara kita memerlukan satu peningkatan tahap produktiviti dan daya saing. Oleh itu, Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) telah mengenal pasti pembangunan modal insan sebagai salah satu teras utama dalam membawa transformasi negara kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

Modal insan inilah yang merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai inteleknya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat meningkatkan bina daya generasi muda Malaysia ke arah melahirkan guna tenaga terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi dengan keperluan negara pada tahun 2020.

Pendekatan kepada pembangunan modal insan harus dibuat secara holistik, menekankan kepada peningkatan penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan. Seiring dengan penekanan kepada ilmu, tumpuan juga perlu diberi kepada pembudayaan sikap progresif dan memupuk masyarakat yang memiliki kekuatan nilai dan moral. Kegagalan untuk membentuk modal insan yang berkeupayaan, profesional, inovatif dan memiliki nilai moral yang tinggi boleh menyebabkan pendidikan terpinggir dari arus pembangunan ekonomi.

2. Gagasan Sistem Pendidikan Kebangsaan dan Pengajian Agama.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju. Tugas Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk menyediakan generasi muda Malaysia dengan seluas-luas peluang bagi memperkembangkan potensi diri, melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan membentuk ciri-ciri keperibadian dan perspektif hidup yang membolehkan mereka berjaya dalam hidup dan mampu memajukan lagi negara selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK);

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1986.

Dengan ruang lingkup atau *weltenshauung* yang sebegini penting, membangunkan modal insan perlu diselaraskan dengan pembangunan insan. Pembangunan insan ini pula tentunya, berada dalam situasi yang selaras dengan keimanan. Hasilnya ialah membangun modal insan ini adalah sama seperti yang dikehendaki dalam ajaran Islam. Seterusnya, dengan matlamat pembangunan modal insan yang lengkap seperti hasrat FPK, maka dapatlah ditentukan langkah-langkah yang sewajarnya diambil. Antaranya adalah:

- i. Pastikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diajar, digabungkan juga dengan aspek kebertanggungjawaban dan keamanan, atau umat yang seimbang (*ummatan wasata*’);
- ii. Mengajak setiap insan bergabung dan bekerjasama bukan sahaja demi pembangunan material, tetapi juga kemanusiaan (*ummatan wahidah*);
- iii. Memastikan ilmu adalah untuk masyarakat dan alam sekitar (*ad-din*);
- iv. Menjelaskan aplikasi ilmu adalah untuk menjadi pemimpin atau pentadbir yang adil (*khalifah*); dan
- v. Sentiasa berwaspada pada aspek kesan yang berkebijakan (*amar maaruf nahi mungkar*).

Sehubungan dengan langkah-langkah yang disarankan itu, ianya akan dapat dizahirkan melalui pengajian agama. Pada asasnya, konsep pengajian agama merujuk kepada amalan agama yang menekankan soal ketamadunan,

pembangunan dan kemajuan yang bersifat komprehensif dan seimbang. Ini merujuk kepada keperluan untuk menggabungkan kecemerlangan aspek fizikal dan spiritual, duniawi dan ukhrawi, dan kejayaan peribadi serta kesejahteraan masyarakat. Aspek penguasaan ilmu merupakan salah satu asas utama dalam pengajian agama. Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara bersepadu boleh menjadikan umat Islam memiliki kekuatan pengetahuan yang pelbagai dan bersifat semasa agar kecemerlangan intelektual mampu dikembangkan. Proses ini perlu bagi mengembangkan potensi melahirkan insan seimbang dan harmonis seperti yang tercatat dalam matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud:

“... Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang yang diberikan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan Ingatlah Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”

Islam mendorong umatnya mencari bukan sekadar ilmu, melainkan ilmu yang bermanfaat, kerana pencarian intelektual tidak dapat dipisahkan daripada etika dan ia harus ditempatkan dalam arus kehidupan spiritual. Beberapa ilmu tidaklah secara langsung berkaitan dengan ilmu agama sahaja. Bahkan ilmu-ilmu keduniaan yang masih belum diterokai atau dikaji juga memerlukan jawapan kepada permasalahan yang timbul. Realiti ini memerlukan satu ijtihad yang mampu memecahkan persoalan-persoalan yang baru itu. Dalam hal ini Nabi Muhammad s.a.w pernah bersabda yang bermaksud:

“Kamu lebih mengetahui urusan-urusan dunia daripada aku.”

(Riwayat Muslim)

3. Cabaran-Cabaran Alaf Baru dan Pembudayaan Keusahawanan

Ketibaan alaf baru hari ini akan terus menawarkan cabaran teknologi dan informasi yang bercirikan globalisasi. Kesenambungan ciri tamadun abad lalu pada alaf ini

pada hakikatnya tidak menjanjikan sebarang perubahan, bahkan ia akan terus mendominasi struktur dan asas ketamadunan umat manusia. Cita-cita yang berteraskan materialisme, sekularisme dan penguasaan empayar tidak menggambarkan suatu hala tuju yang jelas melainkan pada sesuatu yang bersifat duniawi semata-mata. Ini adalah disebabkan arus globalisasi yang menyelubungi arus perdana masa kini didominasi oleh dunia barat. Justeru perkiraan agama dan apa yang berkaitan dengannya terus terpinggir dalam arus ini.

a. Globalisasi

Globalisasi membawa maksud menjadi atau menuju ke arah kesejagatan. Fenomena globalisasi ini berlaku di seluruh dunia dan memberi kesan kepada semua negara dalam pelbagai aspek kehidupan manusia sama ada ekonomi, politik, budaya dan pendidikan. Proses globalisasi dianggap sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan sesiapa yang tidak turut serta akan ketinggalan. Proses globalisasi ini berlaku dalam tiga bentuk utama iaitu teknologi, ekonomi dan ideologi. Ketiga-tiga bentuk ini saling berkaitan antara satu sama lain dan mempunyai hubungan secara langsung dengan dunia pendidikan.

b. Kemelesetan Ekonomi Dunia

Seterusnya cabaran yang terkini datang daripada keadaan ekonomi antarabangsa. Ekonomi global mengalami kemelesetan akibat krisis kewangan global yang semakin meruncing. Ia turut menyumbang kepada keadaan tidak menentu dalam sistem kewangan dan ekonomi global. Keadaan tersebut sedikit sebanyak turut menyumbang kesannya kepada dunia pendidikan. Kemelut kemelesetan ekonomi dunia juga turut mengundang agensi antarabangsa seperti UNICEF untuk mengadakan persidangan rantau Asia bagi membincangkan impak krisis ekonomi ke atas kanak-kanak. Persidangan '*The Impact of the Economic Crisis on Children*' diadakan mulai 6 hingga 7 Januari 2009 di Singapura. Isu-isu utama berkaitan kanak-kanak kesan krisis ekonomi adalah meliputi kesihatan dan pemakanan, pendidikan, dan buruh kanak-kanak. KPM sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas pendidikan turut dilibatkan secara langsung dalam

membincangkan isu-isu pendidikan yang dihadapi kesan daripada krisis ekonomi global.

Sehubungan cabaran globalisasi dan kemelesetan ekonomi dunia secara luaran, terdapat juga cabaran secara dalaman iaitu pembudayaan keusahawanan. Agenda membangunkan usahawan adalah agenda penting kepada pembangunan negara kerana usahawan adalah penggerak dan penjana utama ekonomi dalam negara yang mengamalkan sistem '*free market*' ekonomi. Negara atau masyarakat yang memiliki budaya keusahawanan yang tinggi akan menjadi lebih makmur daripada negara yang kurang budaya keusahawanan. Cabaran keusahawanan yang dominan adalah pada sistem nilai masyarakat, di mana masyarakat perlu meletakkan keusahawanan sebagai kerjaya dan aktiviti mulia, tinggi dan penting. Keusahawanan perlu diberikan penghargaan yang tinggi dalam masyarakat, sabda Rasulullah S.A.W bahawa "*orang yang paling baik antara kamu ialah orang paling banyak memberi manfaat*". Oleh itu menjadikan agenda keusahawanan sebagai wasilah atau jalan untuk kita menyebarkan manfaat atau memakmurkan ummah dan negara.

Jelaslah kepada kita cabaran-cabaran tersebut memberikan kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada pembudayaan keusahawanan. KPM telah merangka beberapa pelan strategik dalam usaha memantapkan dan merealisasikan pembudayaan keusahawanan menerusi Sistem Pendidikan Kebangsaan.

4. Usaha-Usaha Memantapkan dan Merealisasikan Budaya Keusahawanan

Sejak mula manusia mengetahui kepentingan hidup bermasyarakat, bidang keusahawanan telah menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Bidang keusahawanan merupakan suatu bidang yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara. Dalam menuju ke arah era globalisasi, di Malaysia, rakyatnya tidak lagi boleh hanya bergantung kepada kerajaan untuk menyediakan pekerjaan. Budaya pekerjaan di Malaysia sekarang lebih mengarah kepada bekerja dengan pihak swasta atau bekerja sendiri. Oleh itu,

setiap individu perlu bijak dalam merebut peluang terutamanya dalam bidang perniagaan. Sabda nabi Muhammad s.a.w bermaksud “*Orang beriman seperti satu binaan yang saling kuat menguatkan antara mereka*”.

Memandangkan betapa pentingnya bidang perniagaan ini dan selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera, maka kerajaan telah campur tangan dalam urusan pembentukan budaya usahawan. Lantaran itu, KPM telah melaksanakan Program Pembudayaan Keusahawanan melalui kurikulum dan kokurikulum di sekolah. Beberapa sukatan pelajaran berkaitan dengan keusahawanan seperti Prinsip Akaun, Perdagangan, Pengajian Perniagaan, Kemahiran Hidup, Mata Pelajaran Vokasional, Ekonomi asas, Ekonomi Rumah Tangga dan sebagainya telah dibentuk. Manakala dari segi kokurikulum pula aktiviti seperti Program Perintis Usahawan, Program Usahawan Muda, Pengusaha Muda Malaysia, Pengusaha Muda ESSO, Program Tunas Bestari dan Koperasi telah diadakan.

Dalam usaha untuk melakukan penambahbaikan pendidikan, KPM akan melaksanakan transformasi sistem pendidikan bermula 2010 bagi meningkatkan kualiti akademik, kokurikulum dan pembangunan sahsiah murid. Transformasi tersebut akan melibatkan beberapa perubahan dari segi kurikulum dan sistem peperiksaan sekolah. Perubahan yang akan dilakukan adalah dari segi kandungan kurikulum supaya ia menjadi lebih menarik serta menyeronokkan dan lebih menekankan aspek praktikal. Budaya keusahawanan turut diserapkan melalui mata pelajaran-mata pelajaran lain secara merentas kurikulum. Langkah-langkah strategik transformasi pendidikan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh KPM adalah seperti berikut:-

i. Transformasi Kurikulum

KPM telah mula mengorak langkah dalam usaha penambahbaikan kurikulum menerusi transformasi kurikulum sekolah rendah dan kurikulum Pendidikan Islam. Penekanan utama dalam transformasi tersebut adalah penekanan kepada aspek

praktikal dan akademik berbanding akademik semata-mata sebelum ini. Elemen keusahawanan untuk peringkat pendidikan rendah dan menengah telah dimantapkan dengan menjadikannya sebagai salah satu komponen dalam mata pelajaran tertentu. Terdapat badan-badan profesional perakaunan seperti ACCA, LCCI, CIMA dan MICPA pada dasarnya mengiktiraf mata pelajaran Prinsip Perakaunan di peringkat SPM untuk mendapatkan pengecualian mengambil kertas asas perakaunan di bawah ACCA, LCCI dan CIMA dalam Program Dua Pensijilan Mata Pelajaran Aliran Teknikal-Prinsip Perakaunan.

ii. Latihan kemahiran (*Skill Training*) - Kemahiran dan Vokasional

Seterusnya transformasi pendidikan turut menekankan latihan kemahiran (*skill training*) dan perkara ini dilaksanakan melalui tindakan-tindakan memperkasakan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Salah satu daripada tindakan tersebut adalah meningkatkan nilai keusahawanan. Ia dilakukan dengan mendapatkan khidmat nasihat dan kerjasama badan profesional perakaunan bagi memperkasa kurikulum keusahawanan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Di samping menekankan kepentingan dan pelaksanaan nilai keusahawanan melalui program '*School Enterprise (SE)*'. Tindakan memperluaskan aliran vokasional dan kemahiran juga diambil dengan mewujudkan kembali Sekolah Menengah Vokasional bagi meningkatkan aspek latihan kemahiran. Seterusnya tindakan untuk meningkatkan keberkesanan latihan kemahiran adalah melalui pelaksanaan pembelajaran berteraskan kompetensi. Ia dilaksanakan melalui penglibatan pelajar dalam latihan industri.

Contoh program yang dilaksanakan di peringkat sekolah dalam usaha memantapkan budaya keusahawanan.

a. Program Perintis Usahawan

Program Perintis Usahawan (PPU) merupakan satu pendekatan bagi membudayakan keusahawanan kepada murid-murid sekolah rendah. Dari segi pelaksanaan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berperanan

sebagai penyelaras dengan merangka dasar, menyediakan peruntukan dan garis panduan pelaksanaan. Sekretariat pelaksana ditempatkan di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan dianggotai oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri. Objektif pelaksanaan PPU ini adalah untuk:-

- Memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan murid sekolah rendah.
- Menyediakan peluang pembelajaran keusahawanan melalui pengalaman.
- Menjadikan keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan untuk masa hadapan.

Dari segi kaedah pelaksanaannya, murid-murid yang menjadi kumpulan sasaran pelaksanaan PPU adalah murid Tahap 2 (Tahun Empat, Tahun Lima dan Tahun Enam) di seluruh negara. Murid-murid ini akan mengikuti modul PPU yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan kerjasama KPM. Modul PPU tersebut mengandungi 3 tahap iaitu Tahap 1 - Pembudayaan Keusahawanan, Tahap 2 – Persediaan Sebagai Usahawan, dan Tahap 3 – Pelaksanaan Idea Perniagaan. Aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam komponen modul berkenaan adalah terdiri daripada kuiz dan '*business game*', hari keusahawanan dan lawatan sambil belajar ke syarikat dan industri.

Sebagai kesimpulannya, melalui pelaksanaan PPU di peringkat yang lebih awal iaitu di sekolah rendah, adalah diharapkan ia dapat membentuk murid untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan dan seterusnya dapat melahirkan golongan usahawan yang berkualiti di masa hadapan yang mampu bersaing di pasaran dalam dan luar negara.

b. Program Usahawan Muda

Pada masa ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Program Usahawan Muda (PUM) di sekolah-sekolah menengah di seluruh negeri. Program

tersebut merupakan satu kesinambungan pendekatan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah pula. Program ini telah dimulakan sejak tahun 1989 dan penyertaan sekolah menengah juga telah meningkat kepada 560 buah. Program ini bermatlamat untuk:-

- i. Memupuk dan membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah supaya menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.
- ii. Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan untuk memulakan dan melaksanakan perniagaan dengan berkesan.
- iii. Menyediakan peluang pembelajaran latihan keusahawanan secara praktikal (*hands-on*).

Dari segi pelaksanaan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berperanan sebagai penyelaras dengan merangka dasar, menyediakan peruntukan dan garis panduan pelaksanaan. Sekretariat pelaksana ditempatkan di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan dianggotai oleh Jabatan Pelajaran Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri serta MARA. Sekolah-sekolah yang terlibat adalah Sekolah Menengah Harian, Sekolah Menengah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Teknik dan Maktab Rendah Sains MARA.

Dalam pemilihan pelajar, faktor-faktor yang diambil kira adalah minat pelajar, jurusan, tingkatan dan prestasi akademik pelajar. Pelajar-pelajar dari Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 diberi keutamaan untuk menyertai program ini. Pelajar yang menyertai PUM perlu menubuhkan 'Syarikat Sendirian Berhad' dan menyumbang saham sebagai modal syarikat. Mereka seterusnya melantik anggota pengurusan yang terdiri daripada Pengurus Besar, Pengurus Kewangan, Pengurus Pentadbiran, Pengurus Pengeluaran dan Pengurus Pemasaran yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah. Operasi syarikat PUM dijalankan selama sembilan bulan di mana pelajar didedahkan kepada tiga peringkat operasi iaitu penubuhan, pengurusan dan pembubaran. Penganugerahan kepada syarikat-syarikat yang diwujudkan oleh PUM sekolah yang berjaya dibuat setiap tahun. Penganugerahan ini dibuat melalui Konvensyen Negeri dan diikuti dengan

Konvensyen Peringkat Nasional untuk lapan kategori anugerah yang dipertandingkan.

Sehingga kini terdapat dua buah syarikat/institusi yang turut sama bagi menjayakan program PUM ini bagi membudayakan keusahawanan kepada para pelajar di sekolah menengah iaitu:-

- i. Exxon Mobil – Program Usahawan Muda ExxonMobil (*ExxonMobil Young Entrepreneur*).
- ii. American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM) - Program Usahawan Muda (*Young Entrepreneur Programme*).

5. Kesimpulan

Kejayaan negara melaksanakan dasar-dasar dan program-program pendidikan yang terbaik mengikut acuan kita sendiri adalah kejayaan kepada bangsa Malaysia dan ummah secara keseluruhannya. Sikap bergantung kepada pekerjaan di sektor awam dan kurang minat kepada bidang keusahawanan sebenarnya menjerumuskan seseorang itu di dalam situasi yang tidak menentu seperti yang berlaku sekarang ini. Aspek-aspek pendidikan dalam usaha pembudayaan keusahawanan yang berasaskan meningkatkan keupayaan pengetahuan, praktikal dan inovasi mampu sedikit sebanyaknya merintis laluan untuk mengatasi masalah yang berpunca daripada krisis ekonomi global. Memperkasa ekonomi ummah adalah satu daripada sunah Nabi Muhammad s.a.w yang perlu diberikan perhatian oleh masyarakat Islam dan selaras dengan hadis Nabi s.a.w yang diriwayatkan oleh Tarmizi; “*Sembilan daripada sepuluh rezeki itu adalah daripada perniagaan*”.

Rujukan

Al attas, S.M. Naguib. 1980. **The Concept of Education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education.** Kuala Lumpur: ABIM.

Islam Hadhari (atas talian) <http://www.islamhadhari.net>. 19 Disember 2008.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. **Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2010-2010.** Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lim Kok Wing. 2008. **Abdullah: Memperkasa Malaysia.** Cyberjaya: Limkokwing Integrated Sdn. Bhd.

Mohamed Khaled Nordin. 2007. **Ucapan Perasmian Forum Memperkasa Kualiti Modal Insan Gerakan Koperasi Dalam Era K- Ekonomi.** 1 Mac 2007, Hotel Marriot, Putrajaya.

Shahrin Awaludin dan Kamarulzaman Abdul Ghani. **Sekolah Agama Rakyat Dalam Era Globalisasi.** Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. (atas talian) <http://www.geocities.com/pendislam/global>. 19 Disember 2008.

Sodri Ariffin. 2007. **Ucap Utama Ketua Projek Tunas Mekar di National Conference on Marketing.** (atas talian) <http://www.uitm.edu.my/hep/ppusa>. 16 Disember 2008.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. **Islam dan Modal Insan.** (atas talian) <http://www.yadim.com.my/sosial>. 16 Disember 2008.